

# 10 juta maut menentang penceroboh

BH- 6/2/2007

**P**EPERANGAN menentang keganasan global yang didalangi Amerika Syarikat sudah meragut nyawa 10 juta penduduk dunia, tidak termasuk mereka yang mati akibat kemiskinan, kebuluran dan penyakit berikutan perang.

Sehubungan itu, sesi pertama Forum Antarabangsa Mendedahkan Jenayah Perang: Menjenayahkan Perang sempena Perdana Global Peace Forum 2007 semalam menggesa masyarakat antarabangsa bertindak segera menghentikan kegilaan Amerika Syarikat sebelum ia menghancurkan dunia.

Pensyarah Ekonomi Universiti Ottawa di Kanada, Prof Dr Michel Chossudovsky, ketika membentangkan kertas kerja bertajuk "*Ulasan Sejarah Mengenai Jenayah Perang*", berkata semua serangan yang didalangi Amerika terhadap negara lain mempunyai hasrat tersembunyi.

"Tidak kira di Timur Tengah, Amerika Selatan atau di mana saja di dunia, kalau negara yang mengalami pergolakan itu kaya dengan sumber semula jadi seperti minyak atau hasil galian, kuasa besar itu sudah pasti campur tangan.

"Dalam tempoh 10 tahun lalu, Amerika memperuntukkan AS\$17 bilion bantuan ketenteraan kepada sebuah negara (Israel) yang hanya berpenduduk tujuh juta orang sehingga ia kini adalah negara kelima terkuat dari segi peralatan peperangan dan pertahanan.

"Agendanya hanya satu iaitu menguasai sumber minyak tanpa mempedulikan nyawa perlu dikorbankan atau kemusnahan

dilakukan," katanya.

Beliau menjelaskan, perkembangan ini memberi petanda Israel akan memainkan peranan strategik dalam mempertahankan bekalan minyak di Timur Tengah sebagai proksi kepada Amerika.

Chossudovsky berpendapat serangan Israel itu selari dengan ugutan Amerika terhadap Iran yang dituduhnya berusaha memajukan rancangan membina senjata nuklear, walaupun tuduhan itu tidak berasas.

Katanya, Iran seperti juga negara lain, berhak melaksanakan rancangan mengembangkan penggunaan tenaga nuklear untuk kegunaan aman seperti menjana elektrik, selaras dengan ketetapan yang dibenarkan agensi nuklear antarabangsa.

"Anehnya Amerika tidak senang dengan usaha Teheran itu dan menuduhnya mempunyai niat menggunakan teknologi terbahit untuk membina senjata nuklear.

"Amerika dan sekutunya seperti Britain dan beberapa negara Kesatuan Eropah (EU) membenarkan Israel mempunyai senjata nuklear, selain senjata canggih lain termasuk senjata pemusnah besar-besaran (WMD) yang sudah pun digunakannya ketika menyerang Lubnan," katanya.

Sementara itu, pakar geosains dan radiasi, Dr Leuren Moret, berkata kecanggihan senjata perang sekarang, umpamanya yang menggunakan sisa uranium, mampu memberi kesan jangka panjang serius terhadap segala jenis hidupan di dunia.